

# **KHAIRUL HAFIZ, NUR AQILAH DINOBAT OLAHRAGAWAN, OLAHRAGAWATI SUKMA**

August 1, 2016, Monday

The Borneo Post



**TAHNIAH:** Khairul dan Aqilah dinobatkan olahragawan dan olahragawati Sukan Malaysia XVIII di Kuching semalam.

**KUCHING:** Raja pecut baharu kelahiran Melaka, Khairul Hafiz Jantan dan pemanah wanita Terengganu, Nur Aqilah Yusof dinobatkan olahragawan dan olahragawati Sukan Malaysia (SUKMA XVIII) yang menutup tirai semalam.

Kedua-dua atlet terbabit muncul olahrawagan dan olahragawati setelah merekodkan kecemerlangan pada temasya berprestij kebnagsaan itu dalam acara masing-masing.

Khairul kini baharu berusia 18 tahun berjaya meraih empat pingat emas bagi acara 100 meter, 200 meter, 4×100 meter lari berganti dan 4×400 meter lari berganti kategori lelaki.

Sementara itu, Aqilah pula mengutip tiga emas dan dua gangsa dalam acara memanah yang berlangsung di Padang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) .

Pingat emas Aqilah dikutip menerusi acara memanah 60 meter (recurve), 70 meter (recurve) dan berpasukan wanita (pusingan olimpik) recurve.

Dua pingat gangsa diperolehinya menerusi acara 30 meter (recurve) dan perseorangan wanita (pusingan olimpik) recurve.

“Saya tidak menyangka dipilih sebagai olahragawan pada SUKMA XVIII ini.

Saya amat gembira dengan apa yang dicapai pada SUKMA di sini,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Mengenai perancangan masa depannya yang merupakan pelapis kebangsaan dalam acara olahraga, Khairul memberitahu beliau bersedia sekiranya dihantar berlatih ke luar negara bagi memantapkan prestasinya.

“Kalau dihantar ke luar negara saya bersedia... kerana di situ lah saya dapat menimba lebih banyak pengalaman,” jelasnya.

Pada SUKMA XVIII, Khairul mencipta rekod baharu 100 meter yang dipegang raja pecut Sarawak, Watson Nyambek (10.30) dengan catatan baharu 10.18 saat.

Selain itu, beliau turut mencipta rekod baharu dalam acara 200 meter dengan catatan masa 21.03 saat sekali gus memadam rekod dipegang pelari Sabah, Nazmizan Muhammad (21.33 saat).

Sementara itu, Aqilah turut melahirkan perasaan sama kerana tidak menjangka dinobatkan sebagai olahragawati SUKMA XVIII.

“Saya amat gembira kerana hasil penat lelah dengan latihan enam hari seminggu membawa hasil,” katanya ringkas.

